

Bab 3

Prestasi Produktiviti PKS



1. Strategi Kerajaan Memacu Pembangunan PKS	34
2. Prestasi Produktiviti PKS	
a. Sektor Perkilangan	38
b. Sektor Pertanian	41



Dengan sumbangan PKS mencakupi 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 5.6 juta pekerja, membangunkan sektor PKS yang berdaya saing, produktif dan berdaya tahan merupakan teras penting untuk menyokong sasaran Kerajaan mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang dan taraf hidup yang lebih tinggi bagi setiap lapisan masyarakat.

1. Strategi Kerajaan Memacu Pembangunan PKS

Sumbangan PKS kepada Ekonomi

Pretasi PKS	2005(%)
Sumbangan PKS kepada KDNK	32.0
Sumbangan PKS kepada guna tenaga	56.4
Bahagian PKS daripada jumlah eskport	19.0

Sumber: Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005

PKS menggalakkan pemilikan persendirian dan keusahawanan, menyediakan pertumbuhan yang menyeluruh di samping berperanan sebagai inkubator untuk membangunkan perusahaan tempatan menjadi syarikat besar. Di negara Asia yang maju seperti Jepun dan Republik Rakyat China (RR China), sumbangan PKS kepada KDNK melebihi 55% berbanding dengan PKS di Malaysia yang hanya menyumbang sebanyak 32%. Kerajaan telah memberikan lebih keutamaan terhadap pembangunan PKS agar potensi mereka dapat direalisasikan sepenuhnya. Komitmen Kerajaan dicerminkan dalam agenda pembangunan negara. Kedua-dua Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) menggariskan strategi utama untuk membangunkan PKS, masing-masing bagi tempoh 2006-2010 dan 2006-2015.

Strategi Utama Pertumbuhan

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) telah menggariskan strategi dan teras utama untuk membantu PKS bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai, dengan tumpuan khusus pada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), membina kapasiti dan meningkatkan produktiviti.

Rancangan Malaysia Kesembilan

Dalam tempoh RMKe-9 dari tahun 2006-2010, dasar PKS yang utama ialah pembangunan sektor PKS yang berdaya saing, inovatif dan kukuh dari segi teknologi supaya dapat bersaing dalam pasaran global. Strategi ditumpukan pada pemerolehan teknologi untuk mendorong PKS bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Strategi ini termasuk:

- **Penggunaan Perkhidmatan Pihak Ketiga (Outsourcing)**

Program akan dilaksanakan untuk memupuk PKS sebagai rakan penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D). Usaha niaga bersama antara syarikat multinasional (*multinational corporation*, MNC), syarikat berkaitan Kerajaan (*Government-linked companies*, GLC) dan PKS akan mempermudah pemindahan teknologi, dan pembangunan kemahiran serta pemasaran;

- **Hubungan antara syarikat**

Mewujudkan hubungan perniagaan antara PKS, GLC dan MNC akan membolehkan PKS menjadi lebih berdaya saing dan menjadi pembekal yang boleh dipercayai bagi rangkaian penggunaan perkhidmatan pihak ketiga global, yang akan memperluas perdagangan Malaysia dengan pasaran eksport baharu;

- **Program keusahawanan**

Program yang merangkumi khidmat nasihat dan jangkauan (*outreach*) akan diperluas untuk melengkapkan PKS dengan amalan pengurusan dan perniagaan, kaedah pengeluaran, pembaikan kualiti, pemasaran dan pengedaran yang baharu dan lebih baik; dan

- **Kemahiran pengetahuan**

Pembangunan kemahiran teknikal lanjutan dalam kalangan PKS, khususnya dalam menjana inovasi dan mencipta nilai ekonomi dengan penerapan pengetahuan.

Pelan Induk Perindustrian Ketiga

IMP3 menggariskan lima strategi yang jelas untuk mengukuhkan asas ekonomi PKS dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Lima strategi itu ialah:

- **Mempertingkatkan Daya Saing**

Bagi mempertingkatkan kelebihan bersaing, PKS digalakkan berintegrasi dengan MNC, dengan mengambil kesempatan daripada trend penggunaan perkhidmatan pihak ketiga oleh kalangan syarikat besar khususnya dalam aktiviti nilai ditambah yang tinggi. PKS perlu bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai melalui rasionalisasi dan pengkhususan dengan memberikan tumpuan terhadap pembinaan dan peningkatan kompetensi teras, untuk bersaing di peringkat serantau dan global. Pengkhususan akan membolehkan PKS memanfaatkan kompetensi teras itu untuk mencipta kebitaraan pasaran (*niche market*), di dalam dan luar negeri;

- **Memanfaatkan Peluang Pelaburan ke Luar Negeri**

Dengan wujudnya pasaran yang lebih liberal, PKS tidak lagi boleh bergantung pada permintaan dalam negeri. Pasaran global yang lebih berintegrasi menyediakan peluang baharu dan peluang eksport yang lebih besar kepada mereka yang proaktif. Institusi kewangan disaran menyediakan pinjaman bagi pelaburan baharu ke luar negeri terutama di rantau Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Ini akan bergerak seiringan dengan usaha daripada pelbagai Agensi seperti Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan (MATRADE) yang memulakan inisiatif untuk merapatkan hubungan kerjasama dua hala dengan rakan niaga asing, menggalakkan hubungan industri, suruhanjaya perdagangan bersama dan pameran untuk memudahkan rangkaian kerjasama antara PKS tempatan dengan PKS asing;

- **Tumpuan pada Teknologi dan Inovasi**

Sejajar dengan trend global, pertumbuhan dalam kalangan PKS tempatan akan dipacu oleh teknologi dan inovasi. Kemunculan teknologi dan produk baharu telah mempengaruhi cara perniagaan dijalankan pada masa ini. Oleh itu, keutamaan yang tinggi diberikan untuk memperkukuh keupayaan teknologi PKS. SMIDEC dengan kerjasama institusi berasaskan teknologi seperti SIRIM Berhad (SIRIM), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan Malaysia Biotechnology Corporation (MBC) akan memperkenalkan satu program berpandangan jauh bagi membolehkan PKS mengambil peluang terhadap teknologi yang ada;

- **Menyediakan Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Keinstitusian Yang Padu dan Menyokong**

Bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, pendekatan yang teratur dan terselaras perlu diambil. Pendekatan yang selaras ini perlu dilaksanakan seiring dengan program sokongan pembiayaan termasuk:

- Membantu bakal usahawan meningkatkan taraf kemahiran teknikal dan profesional;
- Membantu pembelian jentera dan kelengkapan baharu;
- Menyediakan tapak perindustrian dan taman khas pada harga yang bersaing;
- Memberikan bantuan untuk mendaftar dan memperoleh paten bagi harta intelek; dan
- Mengurangkan kerenah birokrasi untuk mempercepat pemprosesan.

- **Memupuk Sektor Perkhidmatan**

Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005 menunjukkan sebanyak 86.5% daripada PKS adalah dalam sektor perkhidmatan. Beberapa bidang pertumbuhan telah ditekankan dalam sektor ini termasuk:

- Perdagangan pengedaran - menambah produk dan perkhidmatan baharu untuk pemfrancaisan;
- Perkhidmatan perniagaan dan profesional - menggalakkan usahawan dalam kemahiran pakar seperti farmasi dan klinik pergigian;
- Perkhidmatan logistik - menambah penyertaan PKS dalam rantai pembekalan logistik bersepadu;
- Pembinaan dan perkhidmatan berkaitan - PKS menjalin hubungan dengan syarikat pembinaan yang besar untuk membentuk asas subkontrak tempatan yang kukuh bagi memperoleh kontrak di dalam dan luar negeri; dan
- Teknologi maklumat dan komunikasi - merangsang pertumbuhan usahawan tekno dan PKS dengan menyediakan pembiayaan asas dan permulaan.

2. Prestasi Produktiviti PKS

Dengan Kerajaan menerima pakai pendekatan yang lebih menyeluruh ke arah pembangunan PKS seperti meningkatkan akses kepada pembiayaan, memperkukuh infrastruktur perniagaan yang menyokong, meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS termasuk menyediakan akses yang lebih meluas kepada perkhidmatan sokongan perniagaan tempatan dan luar negeri, PKS perlu mencapai tahap tinggi dalam rantai nilai untuk kekal berdaya saing pada masa depan. Langkah-langkah ini sebahagiannya telah membantu mempertingkatkan tahap produktiviti dalam ketiga-tiga sektor utama ekonomi.

PKS perlu mencapai tahap tinggi dalam rantai nilai untuk kekal berdaya saing pada masa depan

a. Sektor Perkilangan

Pada tahun 2007, 96% daripada pertubuhan perniagaan dalam sektor perkilangan ialah PKS dengan sumbangan sebanyak 30.7% daripada jumlah pengeluaran perkilangan, dan 26.3% daripada jumlah nilai tambah. Selain itu, lebih daripada 400,000 atau 31.6% daripada jumlah tenaga kerja telah diambil bekerja dalam sektor ini.


Jumlah Output, Nilai Ditambah dan Pekerjaan PKS

	Tahap Nilai*		Peratusan Bahagian Sektor Perkilangan (%)		Pertumbuhan (%)
	2006	2007	2006	2007	2006-2007
Jumlah Output	88,266	94,356	29.31	30.74	4.91
Nilai Ditambah	17,798	19,251	25.66	26.33	8.16
Pekerjaan	402,496	413,397	31.21	31.62	4.91

*Tahap Nilai bagi Jumlah Output dan Nilai Ditambah adalah dalam RM juta
 Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai keluaran

Dengan mengambil kira saiz pengeluaran, subsektor keluaran makanan dan minuman mencatat sumbangan terbesar dalam kalangan PKS, mencakupi sebanyak 32.3%. Ini disusuli oleh subsektor kimia dan keluaran kimia (16.5%), getah dan keluaran plastik (10.2%) dan perabot (4.1%). Industri-industri ini mencakupi 63%, dengan nilai sebanyak RM59,487 juta daripada jumlah pengeluaran PKS pada tahun 2007.


Pengagihan PKS dalam Sektor Perkilangan



Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2007, pertumbuhan produktiviti PKS adalah pada 5.3%, dengan nilai sebanyak RM46.6 juta, pertambahan daripada RM44.2 juta pada tahun lepas. Produktiviti yang meningkat disebabkan oleh pewujudan nilai tambah dan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dalam subsektor terpilih. Pertumbuhan produktiviti yang tinggi terutamanya dalam subsektor kimia dan keluaran kimia (11.4%) dan keluaran petroleum (8.4%) disebabkan oleh pelaburan berterusan dalam teknologi moden dan kemajuan dalam proses pengeluaran yang mendorong kepada penyampaian produk dan perkhidmatan nilai tambah yang lebih tinggi.

Prestasi PKS




Sumber: Kaji selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

Keamatan Modal

Keamatan modal (*capital intensity*) atau nilai Aset Tetap bagi setiap Pekerja adalah pada RM38,753 pada tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 2.5% daripada RM37,800 pada tahun 2006. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan seperti pemesinan dan peralatan persis, proses dan kejuruteraan produk telah membantu mengekalkan pertumbuhan yang mapan sejak empat tahun yang lalu. Aktiviti intensif modal yang paling besar dalam kalangan PKS dicatat dalam subsektor kimia dan keluaran kimia (RM113,460 bagi setiap pekerja), disusuli oleh subsektor keluaran mineral bukan metalik (RM98,775 setiap pekerja) dan keluaran petroliaam (RM87,850 bagi setiap pekerja). Subsektor yang mencapai pertumbuhan yang paling tinggi sebanyak 7.2% dalam keamatan modal ialah penerbitan, percetakan dan penerbitan pemula rakaman media, berikutan teknologi automasi dan proses penambahbaikan yang berterusan dalam subsektor ini.

Keamatan Modal




Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti Modal

Produktiviti modal juga mencatat trend yang menggalakkan. Pendorong utama pertumbuhan produktiviti modal dalam kalangan PKS dipacu oleh subsektor kayu dan keluaran kayu, yang mencapai pertumbuhan produktiviti modal sebanyak 8.3%, disebabkan oleh penggunaan jentera dan kelengkapan yang cekap melalui kaedah penyelenggaraan dan pencegahan yang lebih baik. Ini telah meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi piawai pasaran global dan memberikan kepuasan kepada pengguna.

Produktiviti Modal




Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Daya Saing Kos Pekerja

Pada tahun 2007, daya saing kos pekerja PKS dalam sektor perkilangan terus bertambah baik, dengan kos pekerja seunit menurun sebanyak 2.7%. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi sebanyak 5.3%, berbanding dengan kos pekerja bagi setiap pekerja sebanyak 1.3%. Pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi berbanding dengan kos pekerja bagi setiap pekerja menunjukkan bahawa kos menghasilkan satu unit pengeluaran bertambah baik.

Selaras dengan strategi Kerajaan untuk membangunkan organisasi yang berdaya tahan dan berdaya saing global, PKS digalakkan untuk melaksanakan inisiatif seperti Persekitaran Berkualiti (*Quality Environment, QE*), Penambahbaikan Berterusan (*Kaizen*), Lingkungan Inovasi dan Kreatif (*Innovative and Creative Circle, ICC*) dan Sistem Pengurusan Berkualiti (*Quality Management System*), untuk mempertingkatkan produktiviti dan daya saing mereka.

Daya Saing Kos Pekerja PKS (2003 - 2007)



Sumber: Kaji Selidik Tahunan tentang Industri Perkilangan, Jabatan Perangkaan Malaysia

b. Sektor Pertanian

Sektor pertanian menyumbang dengan ketara kepada hasil negara dan guna tenaga; mencakupi 7.7% daripada bahagian KDNK dan 12.1% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2007. Sektor ini menjana perolehan eksport sebanyak RM82 bilion hasil daripada harga komoditi yang menggalakkan dalam pasaran antarabangsa. Selain itu, sektor ini juga telah mencatat pertumbuhan produktiviti sebanyak 2.8% pada tahun 2007.

Mengikut struktur, sektor pertanian terdiri daripada estet atau syarikat perladangan dan PKS dalam sektor perladangan. Syarikat perladangan terutamanya terlibat dalam penanaman tanaman berorientasikan eksport seperti kelapa sawit dan getah. PKS pula terutamanya terlibat dalam penanaman kedua-dua jenis tanaman makanan dan bukan makanan, pembiakan ternakan, perikanan dan akuakultur.

Penglibatan PKS Mengikut Penanaman

Berdasarkan banciaan kebangsaan bagi sektor pertanian pada tahun 2005, sejumlah 526,257 PKS terlibat dalam penanaman mengikut jenis tanaman berikut:

Buah-buahan	30.0%
Taman Perindustrian ¹	29.5%
Padi	29.4%
Sayur-sayuran	7.7%
Tanaman kontan	2.6%
Herba dan rempah-ratus	0.9%
Tanaman hutan dan tanaman lain	0.1%

¹ Tanaman perindustrian merujuk terutamanya kepada kelapa sawit, getah dan koko

Produktiviti PKS dalam sektor pertanian boleh diukur dari segi kadar produktiviti tanah, tenaga kerja dan modal.

Produktiviti Tanah dan Pekerja untuk Tanaman dan Buah-buahan Terpilih

Produktiviti tanah diukur melalui banyaknya pengeluaran pertanian yang dihasilkan oleh setiap hektar tanah². Produktiviti tanah untuk tanaman dan buah-buahan terpilih pada tahun 2007 termasuk:

Tanaman/ Buah-buahan	Hasil bagi setiap hektar setahun (tan metrik)
Tomato	59.0
Kelapa Sawit	19.0
Buah Naga	16.5
Kacang Buncis	14.4
Cili	12.3
Durian	7.9
Jagung	6.5
Mangga	5.0
Getah	1.4
Koko	0.9

²Satu hektar bersamaan dengan 2.47 ekar



Produktiviti pekerja diukur melalui banyaknya pengeluaran pertanian yang dihasilkan oleh setiap pekerja untuk sehari bekerja. Produktiviti pekerja untuk tanaman dan buah-buahan terpilih termasuk:

Tanaman/ Buah-buahan	Pengeluaran untuk satu hari bekerja (Kilogram)
Kacang Buncis	94
Mangga	60
Tomato	57
Durian	49
Cili	41

Tahap produktiviti ladang meningkat disebabkan penekanan terhadap penerapan teknologi pertanian yang terkini dan penerapan bioteknologi yang berterusan. Ini juga melibatkan pertanian komersial secara besar-besaran, pengeluaran produk berkualiti tinggi dan produk bernilai tambah, penerapan secara meluas teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dan pembangunan kemahiran usahawan tani melalui berbagai-bagai program inkubasi.


Prospek Produktiviti dalam Sektor Pertanian



Sektor ini dijangka mencatat pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.8% pada tahun 2008 disokong oleh pencapaian semasa yang menggalakkan bagi industri komoditi berorientasikan eksport. Sektor ini turut disokong oleh pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi (HIP) di wilayah-wilayah ekonomi yang baharu dilancarkan dan penubuhan lebih banyak Taman Pengeluaran Makanan Kekal (*Permanent Food Production Park*, PFPP), Zon Industri Akuakultur (*Aquaculture Industry Zone*, AIZ) dan Tumpuan Kawasan Sasaran (*Target Area Concentration*, TAC) bagi mempercepat program pengeluaran makanan dalam negeri.

Kemajuan R&D akan terus diperhebat dan lebih didorong pasaran melalui kerjasama dengan pusat-pusat R&D yang diterajui sektor swasta untuk mempromosikan teknologi pertanian bertaraf dunia yang mampu menggalakkan kecekapan, produktiviti dan kualiti produk pertanian. Pembangunan bioteknologi akan dipertingkatkan bagi menghasilkan bahan penanaman berkualiti dan bidang-bidang lain dalam pembangunan bioteknologi termasuk makanan, agrobioteknologi dan biofarmaseutikal seperti antibodi dan vaksin, dan bioagnostik. Produk dan bidang lain yang boleh dikomersialkan melalui bioteknologi ialah sel kultur, biodisel, farmaseutikal, nutraseutikal, produk herba dan makanan tambahan untuk binatang ternakan.

Bagi mempercepat pengeluaran pertanian, Rancangan Pengeluaran Pertanian Negara Tiga Tahun akan dilaksanakan untuk mencari kaedah baharu bagi menambahkan hasil pengeluaran dalam masa yang singkat dengan mengambil kira kawasan ladang dan kesesuaian tanahnya. Selain mencari kaedah baharu untuk menambahkan pengeluaran, Rancangan ini juga akan mengkaji pelbagai kaedah baharu bagi mengurangkan input pertanian terutamanya baja dan bahan kimia. Antara lain, kaedah ini termasuk menggalakkan petani untuk menghasilkan baja kompos sendiri bagi mengurangkan pergantungan terhadap baja kimia yang diimport.






Perbandingan Produktiviti Pertanian Antarabangsa

Produktiviti pekerja pertanian rakyat Malaysia meningkat kepada USD16,040 pada tahun 2006 (2005: USD10,594), mendahului rakan sejawat dari Filipina (USD5,250), Thailand (USD3,651), India (USD3,379), RR China (USD3,270) dan Indonesia (USD2,872). Ini disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi terutamanya kelapa sawit dan getah yang memberikan hasil ladang yang lebih tinggi. Keadaan yang serupa berlaku di negara maju seperti Jepun, Korea dan China Taipei, yang mencatat produktiviti lebih tinggi disebabkan oleh penerapan sistem penanaman intensif dan sistem pertanian hidroponik untuk mengoptimumkan penggunaan tanah di negara-negara itu. Pada masa depan, produktiviti pekerja pertanian rakyat Malaysia dijangka bertambah baik dengan penubuhan koridor pembangunan ekonomi baharu yang akan mendorong pembangunan pertanian.

Perbandingan Produktiviti Antarabangsa Negara Asia Terpilih, 2006



Sumber: World Competitiveness Yearbook, 2007

Prospek Produktiviti dalam Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi dengan sumbangan sebanyak 53% kepada KDNK pada tahun 2007. Pada tahun yang sama, pertumbuhan pengeluaran dalam sektor ini bertambah kepada 9.7% berbanding dengan 6.8% pada tahun 2006. Ini disokong terutamanya oleh penggunaan dalam negeri yang kukuh, pengembangan aktiviti kewangan dan insurans serta kepesatan aktiviti perniagaan dan pelancongan.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan produktiviti sebanyak 5% kepada RM54,229 pada tahun 2007 daripada RM51,653 pada tahun 2006. Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh peningkatan kecekapan dan penggunaan ICT yang lebih pesat.

Melangkah ke hadapan, produktiviti sektor perkhidmatan dijangka terus meningkat. Pertumbuhan dalam subsektor perdagangan akan didorong oleh strategi untuk merangsang perbelanjaan runcit, aktiviti runcit, pengiklanan dan kempen promosi yang sudah pun dikenal pasti bagi menggalakkan pelancong luar negeri membeli belah semasa Tahun Melawat Malaysia 2007 (dilanjutkan hingga 31 Ogos 2008). Industri pelancongan dijangka dapat mengekalkan prestasi pada tahun 2008. Usaha promosi terus menerus daripada kedua-dua sektor awam dan swasta untuk menjadikan Malaysia destinasi yang menjadi daya tarikan pelancong akan terus mempertingkatkan pertumbuhan industri ini. Bagi tahun 2008, sektor pelancongan pada keseluruhannya menyasarkan pencapaian sebanyak 21.5 juta ketibaan pelancong dan hasil sebanyak RM49 billion.

Pelancongan untuk membeli-belah dijangka menyumbang lebih daripada 10% daripada keseluruhan nilai jualan industri runcit. Kemudahan sokongan seperti pengangkutan akan disediakan kepada pelancong asing dari lapangan terbang dan hotel ke destinasi membeli-belah di bandar raya utama Malaysia. Selain itu, Kerajaan akan memperkenalkan pelbagai insentif untuk merangsang perbelanjaan pengguna.

Subsektor pengangkutan dijangka terus mencatat pertumbuhan produktiviti hasil daripada pengembangan kapasiti dalam infrastruktur pengangkutan, perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik melalui peningkatan penggunaan ICT, dan peningkatan pelaburan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

Industri ICT dijangka mencatat pertumbuhan produktiviti, walau bagaimanapun, perbelanjaan ICT dijangka perlahan sedikit pada tahun 2008 disebabkan persaingan yang sengit daripada pembekal dalam pasaran. Tambahan pula, kemelesetan di Amerika Syarikat dan kenaikan harga minyak juga akan menjejaskan perbelanjaan ICT di Malaysia. Usaha berterusan untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab ICT dan perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (SSO) yang semakin penting adalah antara beberapa faktor yang boleh meningkatkan kecekapan dan daya saing sektor tersebut. Industri SSO dijangka meneruskan pertumbuhan yang kukuh, membantu mewujudkan peluang pekerjaan dan penambahan lebih banyak bilangan pekerja berpengetahuan dalam industri ICT. Selain penggunaan perkhidmatan pihak ketiga, teknologi baru muncul seperti portabiliti nombor mudah alih (*mobile number portability*), metro Ethernet dan web 2.0 dijangka mendorong pasaran ICT di Malaysia.

Prospek PKS

Dengan keadaan masa kini yang semakin hebat dengan persaingan dan globalisasi, PKS perlu memantapkan kedudukan mereka dan beralih kepada penggunaan teknologi yang lebih canggih dan lebih cekap dengan bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai dan menumpukan pada aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Untuk bersaing dengan jayanya dalam pasaran dalam negeri dan global, PKS digalakkan memanfaatkan peluang pelaburan di luar negeri, menerima pakai amalan perniagaan terbaik dan menjadi lebih berdaya tahan apabila berhadapan dengan persaingan yang lebih sengit. PKS boleh menceburkan diri dalam bidang baharu yang dikenal pasti dapat menjana kekayaan ekonomi. Antara bidang baharu tersebut ialah produk halal dan perkhidmatan, pemfrancaisan dan ICT.

Memandangkan pembangunan modal insan dijangka terus merangsang pembangunan perniagaan permulaan dan meningkatkan penawaran pekerja mahir dan berpengetahuan, PKS perlu meningkatkan kapasiti dan keupayaan dengan melabur dalam teknologi yang bersesuaian dan memberikan lebih banyak latihan dan latihan semula kepada sumber manusia mereka.

Memandangkan PKS memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dan daya saing mereka. Pelbagai program termasuk insentif dalam bentuk geran dan pinjaman mudah disediakan untuk membangunkan PKS dan menggalakkan pembangunan produk inovatif dan mengautomasikan proses, bagi memenuhi permintaan global untuk produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang kompetitif.

Menggalakkan Peningkatan Kecekapan Melalui Pembayaran Secara Elektronik

Dengan kepentingan Internet dan telekomunikasi menjadi semakin ketara sebagai alat komunikasi penting dalam dunia perdagangan yang semakin hebat, PKS digesa menilai faedah kos bagi penggunaan teknologi tersebut sebagai alat untuk membuat dan menerima pembayaran secara elektronik (e-pembayaran). E-pembayaran yang membolehkan pembayaran dibuat dengan cepat dan mudah di mana jua dan pada bila-bila masa, memberikan kelegaan yang dinanti-nantikan oleh PKS dalam persekitaran ekonomi masa kini. Menerima pakai penyelesaian melalui e-pembayaran akan membolehkan PKS berurus niaga dalam pasaran domestik dan global dengan lebih cekap. Kos menjalankan perniagaan yang lebih rendah akan menyumbang ke arah mempertingkatkan daya saing keseluruhan PKS dan meningkatkan peluang untuk pertumbuhan perniagaan yang lebih pesat.



Impak Pelaksanaan ICT


PKS boleh mendapat manfaat sama ada sebagai pengeluar ICT ataupun pengguna ICT bagi meningkatkan produktiviti, menambah baik komunikasi dan menarik pelanggan baharu. Penggunaan ICT boleh melibatkan kos yang tinggi, maka PKS perlu mengenal pasti dengan jelas pada peringkat permulaan perkara yang penting yang dapat menambah produktiviti mereka.

Perkakasan ICT yang paling asas ialah mempunyai keupayaan komunikasi melalui talian tetap atau telefon mudah alih. Pada peringkat yang lebih tinggi, PKS boleh mempertimbang untuk melabur dalam komputer peribadi dengan perisian asas bagi keperluan pemprosesan maklumat yang mudah seperti pemprosesan kata untuk menyusun invois dan memastikan akaun dikemas kini. Capaian internet membolehkan PKS mempunyai keupayaan komunikasi yang canggih seperti e-mel, melayari dan membangunkan laman web. PKS dalam bidang perkilangan boleh mendapat manfaat daripada perkakasan ICT yang canggih seperti Enterprise Resource Planning (ERP) atau pengurusan inventori.

Akhirnya, penggunaan dan penerapan teknologi maju termasuk ICT menyumbang kepada pewujudan perniagaan yang bersaing. Kajian mengenai Impak Pelaksanaan ICT dalam kalangan PKS yang dijalankan pada tahun 2007 memperlihatkan enam bidang dalam perniagaan yang mendapat impak yang ketara hasil daripada pelaksanaan ICT.

Bidang kritikal yang dikenal pasti ialah pelanggan, pembekal, pengurusan strategi, penjualan dan pemasaran, penyampaian produk dan perkhidmatan dan prestasi pekerja seperti yang tertera di bawah:

Impak Pelaksanaan ICT Mengikut Kawasan Perniagaan



Impak paling ketara hasil daripada pelaksanaan ICT dapat dilihat dalam bidang pembinaan dan pengurusan perhubungan antara PKS dengan para pelanggan mereka. Peningkatan kepuasan dan kesetiaan pelanggan memberikan kesan positif kepada perniagaan. Pelaksanaan ICT juga mendorong peningkatan kecekapan dalam berurusan dengan pembekal yang dapat memberikan kesan serta-merta terhadap produk dan perkhidmatan. Kajian tersebut juga menunjukkan ICT membantu dalam proses membuat keputusan, secara khususnya menghasilkan kawalan kewangan yang lebih baik dan fungsi operasi sokongan dan hadapan yang lebih cekap, sekaligus menambah baik aliran proses perniagaan.

Manfaat lain yang dapat dilihat ialah akses kepada pasaran baharu yang lebih luas yang seterusnya menghasilkan penjenamaan syarikat dan imej korporat yang bertambah baik serta penyampaian produk yang tepat pada masanya dan peningkatan capaian oleh pengguna akhir. Penggunaan ICT yang lebih baik juga meningkatkan produktiviti pekerja dan menambah baik saluran komunikasi dalam syarikat.

Mengembangkan Jaringan yang Lebih Luas - Penggunaan Internet yang Semakin Meluas

Internet menawarkan manfaat untuk pelbagai proses perniagaan pada peringkat antara syarikat. Internet mempunyai potensi yang besar untuk mengurangkan kos urus niaga dan menambah kepantasan dan keandalan urusan perniagaan. Penggunaan Internet membolehkan perniagaan memberikan tindak balas yang lebih pantas kepada pelanggan dan menghasilkan produk yang lebih berkualiti. Pada tahun 2007, penggunaan Internet di Malaysia semakin bertambah dengan pertumbuhan kadar penembusan sebanyak 9.4% bagi setiap 1,000 penduduk. Dengan pertumbuhan bilangan pengguna yang lebih tinggi, Malaysia dijangka akan mencapai tahap yang setara dengan Korea, Jepun, Singapura dan China Taipei.

Negara	Pengguna Internet setiap 1000 penduduk		Pertumbuhan Dunia	Penduduk (%) Kedudukan 2007 (2006)
	2007	2006		
Korea	721.15	702.28	2.69	6 (6)
Jepun	711.18	676.62	5.10	8 (7)
Singapura	662.99	619.29	7.06	15 (17)
C. Taipei	598.26	580.10	3.13	22 (20)
MALAYSIA	518.8	474.26	9.39	30 (32)
Thailand	140.56	127.20	10.50	49 (53)
RR China	103.59	84.44	22.67	52 (57)
India	161.70	46.80	31.83	55 (60)

Sumber: World Competitiveness Yearbook, 2007